

13 AUG 1998

Komanwel-Pokok

21,000 POKOK TAMBAHAN DITANAM MENJELANG SUKAN KOMANWEL 1998

LANGKAWI 13 Ogos (Bernama) -- Sebanyak 21,000 pokok bunga tambahan akan ditanam dalam program pengindahan Lapang Sasar Menembak Antarabangsa Langkawi (LISRAM) menjelang Sukan Komanwel ke-16 bulan depan.

Timbalan Yang Dipertua Majlis Daerah Langkawi (MDL) Mansor Ismail berkata ini adalah sebagai menyahut saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika meninjau persiapan LISRAM Ahad lepas.

Penanaman pokok itu adalah tambahan kepada projek landskap yang telah dijalankan sejak beberapa bulan lepas yang perlu disiapkan sebelum 1 September ini, kata beliau kepada pemberita pada sidang akhbar di pejabatnya di sini, hari ini.

Langkawi akan menjadi gelanggang acara menembak, satu-satunya pertandingan yang diadakan di luar Kuala Lumpur.

Beliau berkata dari jumlah pokok itu, 20,000 pokok termasuk pokok teduhan seperti palma, marigold, selosis dan vinca serta 1,000 pokok bunga dalam pasu akan ditanam sebagai tambahan kepada projek seni taman yang sedia ada.

Mansor berkata sehingga ini lebih 45,000 pokok khususnya bunga hiasan telah ditanam di Kuah, Padang Matsirat, jalan-jalan utama dan Lebuh raya Langkawi.

Projek penanaman pokok itu adalah sebahagian program pengindahan Langkawi untuk persiapan sukan kedua terbesar yang dianjurkan itu.

Menurutnya MDL turut membina dua kompleks perniagaan mengandungi 26 gerai berharga kira-kira RM800,000 di Kuah dan Padang Matsirat untuk Sukan Komanwel ini.

Gerai-gerai itu akan diberi kepada peniaga-peniaga gerai makanan dan buah-buahan yang selama ini beroperasi di premis sementara atau di tepi-tepi jalan.

Selain itu, MDL akan memperindahkan 16 gerai makanan berdekatan Tasik Kedak di Kuah manakala bangunan-bangunan di jalan utama akan dicat semula.

MDL akan memperbaiki dan mengecat semula pasar awam di Padang Matsirat dan Air Hangat sejajar dengan program menonjolkan imej kebersihan Langkawi, katanya.

Beliau berkata MDL akan membelanjakan kira-kira RM200,000 untuk mengadakan tandas awam moden pelbagai guna yang turut mempunyai kemudahan untuk orang cacat di Padang Matsirat.

MDL mendapat peruntukan kira-kira RM4 juta daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mengadakan semua persiapan Sukan Komanwel itu.

ZI ZB